




“
Projek ROL
mengembalikan
semula **sistem
ekologi sungai**”

Scott Dunn,
Pengarah Urusan Serantau
Bahagian Perancangan,
Reka bentuk dan
Pembangunan Aecom



Gambaran transformasi **Sungai Klang dan Sungai Gombak** menerusi projek River Of Life.

Ubah imej buruk sungai

» RM4b transformasi sungai sekitar Kuala Lumpur

Oleh Diyanah Anuar
diyanah@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Sungai berdekatan Masjid Jamek Kuala Lumpur yang selama ini sinonim dengan imej negatif, bakal berubah.

Air sungainya tidak akan keruh dan tercemar, sebaliknya dalam beberapa tahun lagi akan menjadi kawasan rekreasi untuk warga kota menenangkan fikiran.

Kawasan pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak itu akan menjalani transformasi menerusi kerja pengindahan koridor sepanjang 10.7 kilometer (km) menerusi Projek River Of Life (ROL) dengan peruntukan RM4 bilion.

Projek yang juga satu cabang Program Transformasi Ekonomi (ETP), Greater KL, ini bermatlamat menjadikan sungai di

Kuala Lumpur ikonik dan berdaya huni seperti kebanyakan sungai di bandar maju lain luar negara.

Dalam taklimat berhampiran Masjid Jamek, baru-baru ini, syarikat perunding yang dilantik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk projek itu, Aecom Perunding Sdn Bhd berkongsi perkembangan terkini dan gambaran perubahan yang boleh dilihat dengan pelaksanaan ROL nanti.

Pengarah Urusan Serantau Bahagian Perancangan, Reka Bentuk dan Pembangunan Aecom, Scott Dunn, berkata ROL yang dilancarkan setahun lalu membabitkan tiga komponen iaitu pembersihan, pengindahan dan pembangunan semula di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak.

“Sebahagian perancangan adalah untuk membina laluan penghubung yang menjadikan sungai ini lebih dekat dengan warga kota, supaya tidak ada lagi penghadang dan air sungai boleh disentuh.

“ROL juga akan memberi identiti baru untuk sungai ini, mewujudkan peluang perniagaan kecil-kecilan khususnya jualan produk budaya di tepiannya dan mengembackkan semula sistem ekologi di dalam sungai ini,” katanya.